**D.R. 20/2005**

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n am a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pinjaman (Tempatan) 1959.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta.*

**Pindaan seksyen 4**

**2.** Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 *[Akta 637],* yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen *A*—

*(a)* dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**"Sums charged on and payable out of Consolidated Fund";**

*(b)* dengan memasukkan selepas subseksyen (2), subseksyen yang berikut:

"(3) All expenditure in connection with the purchase, conversion and cancellation of stock made in accordance with this Act are charged upon and payable out of the Consolidated Fund.".

**Pindaan seksyen 5**

**3.** Seksyen 5 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Any sum raised under this Act may be applied—

*(a)* for the repayment or amortization of loans raised under this Act or any other written law; or

*(b)* where a loan is raised by the issue of stock under this Act or any other written law, for the purchase or conversion of such stock.".

**Pindaan tajuk Bahagian IV**

**4.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan tajuk Bahagian IV dengan tajuk yang berikut:

**"PART IV**

PROVISIONS RELATING TO REDEMPTION, PURCHASE, CONVERSION AND CANCELLATION OF STOCK AND CREATION OF SINKING FUND".

**Pindaan seksyen 11**

**5.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan seksyen yang berikut:

**"11.** (1) Stock issued under the provisions of this Act shall be redeemable at par—

*(a)* on such dates as may be specified in the prospectus; or

*(b)* where the prospectus provides that the stock is redeemable at the election of the Minister, on the earlier of the following dates:

(i) the date of maturity; or

(ii) the date of a call for redemption before maturity, to the extent to which such call is made,

in accordance with the terms set out in the prospectus,

after which dates all the interest on the principal moneys represented thereby shall cease and determine, whether payment of such principal moneys shall have been demanded or not.

(2) Notwithstanding subsections 8A(5), 8B(4) and 11(1), where stock is redeemable at the election of the Minister and a call for redemption is made for only part of the stock, only such part of the stock as has been called for redemption shall be redeemable on the date of the call.".

**Seksyen baru 11A dan 11B**

**6.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut:

**"Power to purchase and cancel stock**

**11A.** (1) The Bank may, with the approval of the Minister, purchase any stock, issued under section 6, held by any person subject to such price and such terms as may be allowed by the Minister.

(2) The Bank may, with the approval of the Minister, cancel any stock purchased in accordance with subsection (1) upon such terms as may be allowed by the Minister.

**Power to convert stock**

**11B.** (1) The Bank may, with the approval of the Minister, convert any stock or any part thereof, by exchanging such stock for any other stock, including new stock issued for the purposes of this section subject to such price and such terms as may be allowed by the Minister.

(2) The Bank may, with the approval of the Minister, cancel any stock it has obtained under subsection (1) upon such terms as may be allowed by the Minister.".

**Pindaan seksyen 13**

**7.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:

"13. The sinking fund created under section 12 shall be applied—

*(a)* firstly, for the payment of all expenses of, or incidental to, the management of the sinking fund and the redemption, purchase or conversion of the stock issued under this Act;

*(b)* secondly, for the repayment of principal moneys represented by the stock; and

*(c)* finally, for any purchase or conversion of stock under sections 11A and 11B.".

**Pindaan seksyen 14**

**8.** Seksyen 14 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "due" perkataan "or the purchase or conversion of stock under sections 11A and 11B".

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 ("Akta 637").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda nota bahu kepada seksyen 4 Akta 637 dan memasukkan subseksyen baru 4(3) ke dalam seksyen 4 Akta 637 untuk memberi Menteri kuasa untuk menggunakan wang dalam Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai apa-apa perbelanjaan bagi pembelian, penukaran dan pembatalan stok.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 5(2) Akta 637 untuk meluaskan skop penggunaan sejumlah wang yang dikumpul di bawah Akta bagi membolehkan sejumlah wang tersebut digunakan bagi pembelian dan penukaran pinjaman.

5. *Fasal 4* dan 5 bertujuan untuk meminda tajuk Bahagian IV dan seksyen 11 Akta 637 bagi mengadakan peruntukan penebusan stok oleh Menteri jika syarat membolehkan penebusan sebelum tarikh matang sebagaimana yang dinyatakan dalam prospektus.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 11A dan 11B ke dalam Akta 637. Seksyen baru 11A yang dicadangkan memberi Menteri kuasa untuk membeli daripada pasaran apa-apa stok yang dikeluarkan di bawah Akta. Seksyen baru 11A yang dicadangkan juga membolehkan Menteri membatalkan apa-apa stok yang telah dibeli. Seksyen baru 11B yang dicadangkan memberi pilihan kepada Menteri untuk menukar apa-apa stok dengan menggantikannya dengan stok yang lain. Walaubagaimanapun, pindaan ini tidak memberi Menteri kuasa untuk memaksa pemegang stok menjual atau menukar stok mereka.

7. *Fasal* 7 bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 637 bagi membolehkan wang dalam kumpulan wang penjelas digunakan bagi pembelian atau penukaran apa-apa stok yang dikeluarkan di bawah Akta ini selepas bayaran bagi aktiviti-aktiviti lain yang diperuntukkan dalam seksyen ini telah dibuat.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 637 untuk memberi Menteri kuasa untuk menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sekiranya kumpulan wang penjelas adalah tidak mencukupi untuk digunakan bagi aktiviti pembelian atau penukaran stok.

### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN($U^2$)2448]